

29/07/2005

DR MAHATHIR DIRAIKAN PADA JAMUAN HARI JADI

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini diraikan pada majlis hari jadi yang sungguh meriah.

Lebih 1,000 hadirin termasuk bekas presiden MCA Tun Dr Ling Liong Sik, Bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba dan Bekas Presiden Filipina Fidel Ramos hadir pada majlis itu yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir meraikan hari lahir ke-80 manakala Dr Siti Hasmah ke-79.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut didendangkan dengan sebuah lagu "colours of a million memories" yang dicipta khas oleh komposer Datuk Wah Idris sempena hari jadi beliau.

Dalam ucapan ringkas, Dr Mahathir dan isteri mengucapkan penghargaan kepada semua yang hadir serta pihak penganjur, 80 Pertubuhan Rakyat Malaysia.

"Saya sangat gembira dan dan rasa terhormat kerana diraikan pada majlis ini," dan menambah beliau berharap dapat menyambut lagi hari ulang tahun kelahirannya tahun depan.

Atas permintaan ramai, Dr Mahathir turut mendendangkan lagu "Return to Sorento" manakala Dr Siti Hasmah menyanyikan lagu "Always".

-- BERNAMA

MOT MOT LAT